

U. M. 27 JUL 1971

PENGGUNAAN jentera2 sudah merupakan sesuatu yang lumrah di-zaman serba moden ini. Kejenteraan dan otomasi ini telah membolehkan manusia menchapai berbagai kejayaan di-samping mendatangkan kemudahan dan kesenangan. Nyata-lah bahawa aliran ini tidak dapat di-elakkan, sa-balek-nya di-perluaskan kerana ia-nya ejen kemajuan.

Dr. Mahathir Mohammad, dalam sa-buah kertas kerja yang di-bentang di-Seminar Pergerakan Pemuda UMNO, di-Morib, telah memperkatakan tentang kesan2 burok baik-nya kejenteraan dan otomasi ini. Beliau telah menghubungkan aliran ini dengan masaalah penganggoran.

Kertas kerja itu telah menitekberatkan perbandingan2 otomasi dengan penggunaan tenaga manusia, baik kasar atau pun yang chekap. Soal belanja yang besar membeli alat2 moden itu dari luar negeri juga di-jadikan alasan betapa kesan burok di-sebabkan aliran ini.

Burok baik aliran ini memang-lah terduga. Tetapi penganggoran di-negeri ini tidak-lah sa-mata2 kerana perkembangan jentera dan otomasi. Lebih tepat kira-nya di-perkatakan bahawa penggunaan jentera dan otomasi dengan bijak, yang pada tempat2-nya akan dapat menolong mengatasi penganggoran.

Jika "parking meter" sa-bagai chontoh otomasi yang tidak sesuai, memang-lah tidak perlu banyak bahathan. Tetapi lampu2 isyarat lalu lintas ada-lah chontoh yang baik pula. Sa-lain memudahkan tugas2 polis lalu lintas otomasi ini menjamin kenderaan2 dari berlanggar. Sa-balek-nya di-timbang dari segi penganggoran, ramai polis patut di-ambil untok bertugas di-tiap2 persimpangan jalan?

Penepian jentera dan otomasi dalam masa kita mengejar kemajuan pesat, pada tempat2 yang sa-mesti-nya di-gunakan, tidak-lah ubah sa-bagai memutar jarum jam ka-belakang. Pertimbangan untok memberi kerja kepada penganggor2 belum chukup memaksa kita mengorbankan alat2 kemajuan ini.

Sampai bila-kah Pahang Tenggara akan terbuka jika hutan mahu di-tebang dengan kapak dan beliong. dan jentera2 t o l a k tidak perlu di-gunakan untok membuka jalan yang menjadi asas pembangunan ekonomi kawasan itu? Sedangkan negara kita tidak ada masa untok berlambat2 lagi dalam usaha2-nya.

Sa-lain tidak dapat di-elak, jentera dan otomasi memberikan chabaran2 hidup kepada masyarakat kita yang memerlukan perubahan.